

13 SEP 1998

Komanwel-Ragbi (Malaysia)

KESUNGGUHAN PASUKAN RAGBI MALAYSIA BUAT PENYOKONG BANGGA

Oleh: Muammar Kamarudin

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Pasukan ragbi tujuh sebelah Malaysia mempamerkan persembahan terbaik mereka untuk mengalahkan Kenya 19-5 di Stadium Petaling Jaya hari ini.

Jurulatih kebangsaan Mark James memberitahu pemberita bahawa dia gembira dengan prestasi anak buahnya dan merasakan "mereka bermain lebih daripada kemampuan mereka".

Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama sokongan kuat penonton tempatan memberi semangat kepada mereka untuk mempamerkan persembahan yang bertenaga dan penuh semangat.

Jamil Abdul Rahman membuat dua try dan Mohd Khusaini Ishak satu try manakala Rampangajouw satu conversion.

Saiz badan para pemain Kenya yang jauh lebih besar tidak menggentarkan semangat para pemain negara yang menggunakan kecepatan mereka untuk membuat try.

Bagaimanapun, Malaysia tewas kepada juara Dunia Fiji 5-65 dalam satu lagi permainan hari ini tetapi mereka tidak membenarkan Fiji menang mudah. Sulaiman Yaakop menyumbang satu try dalam perlawanan itu.

Pengurus pasukan Fiji Jone Buakula sendiri tertarik dengan corak permainan Malaysia hari ini kerana mereka tidak mudah menyerah kalah.

Sementara itu, dengan memenangi satu perlawanan dan kalah satu, Malaysia akan meneruskan perlawanan dalam pertandingan plet yang mengumpulkan negara yang mendapat kedudukan kesembilan hingga ke-16.

-- BERNAMA

MK SBJ